

Syarat ekuiti Bumiputera mansuh

Oleh Azli Ayob

BA 31/7/03

KUALALUMPUR: Kerajaan semalam memutuskan syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tidak lagi perlu mengekalkan pegangan ekuiti minimum 30 peratus oleh Bumiputera.

Berdasarkan garis panduan baru Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) yang diluluskan mesyuarat Kabinet semalam, syarat pemilikan 30 peratus ekuiti oleh Bumiputera

hanya perlu dipenuhi ketika penyenaian.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Kabinet menganggap syarikat senarai awam sudah mematuhi syarat pegangan kepentingan oleh Bumiputera sebaik saja ia disenaraikan.

"Ini bermakna, jika pegangan Bumiputera berkurangan (daripada 30 peratus) berikutan penjualan saham oleh golongan itu (Bumiputera), kelulusan FIC tidak diperlu-

kan bagi usaha meningkatkannya semula.

"FIC tidak perlu mengarahkan syarikat senarai awam untuk menokok semula jumlah pegangan ekuiti oleh Bumiputera dalam syarikat mereka," katanya sebelum berdialog dengan ahli Dewan Perdagangan Amerika Malaysia (Amcham) di Hotel Sheraton Imperial, petang semalam.

Langkah melonggarkan syarat pegangan ekuiti minimum 30 peratus oleh Bumiputera dalam syarikat awam itu dibuat sebagai sebahagian

usaha melonggarkan garis panduan FIC.

Peraturan FIC sebelum ini mensyaratkan, jika pegangan kepentingan Bumiputera yang diperuntukkan Miti melalui tawaran persendirian serta yang diperoleh pelabur melalui proses pengundian, susut ke bawah paras 30 peratus, syarikat senarai awam perlu mendapatkan kelulusan jawatankuasa itu bagidangan korporat tertentu.

LIHAT MUKA 2 ►

Syarat pegangan ekuiti Bumiputera 'merimaskan'

► DARI MUKA 1

Rafidah berkata, peraturan FIC mengenai syarat pegangan ekuiti minimum 30 peratus oleh Bumiputera itu didapati 'merimaskan' ahli perniagaan.

"Inilah antara perkara yang kita lakukan, yang menambah kepada kos menjalankan perniagaan dan menghalang peniaga," katanya.

Beliau menegaskan, usaha itu menggambarkan komitmen kerajaan dalam usaha memperbaiki sistem sedia ada supaya dapat membantu menarik kemasukan pelaburan langsung asing (FDI).

Ia juga sejajar pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Pakaj Strategi Baru pada 21 Mei lalu bahawa kerajaan akan melonggarkan garis panduan FIC.

Perdana Menteri ketika itu berkata, kerajaan bersedia melonggarkan garis panduan FIC bagi menjadikannya lebih mesra pelabur sekali gus membantu menarik FDI. Perubahan garis panduan FIC itu ialah berkaitan ekuiti asing di samping pemilikan hartanah serta aset oleh orang asing.